

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI  
Tajuk : MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN SEWAAN KOMPLEKS MAKSAK  
Lokasi :  
Tarikh : 29-10-1996

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada MAKSAK Malaysia yang telah menganjurkan majlis ini sempena Upacara Menandatangani Kontrak Sewaan Kompleks MAKSAK pada pagi ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua wakil Badan-badan Gabungan MAKSAK yang turut memberi sokongan padu kepada usaha yang dikendalikan oleh MAKSAK Pusat. Tidak lupa juga, saya mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil Corporate Bazaar yang akan terlibat secara terus dalam majlis kita pada hari ini.

2. Selaku Yang di Pertua MAKSAK Malaysia, saya merasa berbangga terhadap pencapaian MAKSAK selama ini. Majlis pada hari ini memberi bukti bahawa MAKSAK berupaya melibatkan diri dalam berbagai jenis lapangan selain daripada penganjuran aktiviti- aktiviti sukan dan kebajikan. Penceburan dalam lapangan komersil melalui sewaan kompleks bangunannya akan dapat menjalinkan hubungan lebih luas dengan sektor korporat dan secara tidak langsung, merapatkan lagi ikatan di antara sektor awam dan sektor swasta berlandaskan konsep Persyarikatan Malaysia.

3. Dengan termeterainya kontrak ini, adalah menjadi hasrat MAKSAK untuk terus menjalin ikatan positif dengan pihak `Corporate Bazaar' dalam semua aspek, agar prospek perniagaan `Home Trend' dapat berkembang maju demi faedah bersama. Satu lagi aspek penting demi menggalakkan ahli-ahli MAKSAK membeli-belah di sini, adalah melalui pemberian potongan harga. Kerjasama semua pihak melalui Badan- badan Gabungan MAKSAK adalah penting demi mendedahkan ahli-ahli di seluruh negara mengenai kemudahan ini.

4. Saya juga difahamkan bahawa urusan penyelenggaraan Kompleks ini, selepas tamat tempoh jamin, akan berada di bawah tanggungjawab pihak `Corporate Bazaar'. Saya menaruh sepenuh kepercayaan dengan keupayaan pihak pengurusan `Corporate Bazaar' untuk terus menyelenggarakan ruang-ruang komersil tersebut dengan sebaik-baiknya, agar manfaat jangka-panjang dapat dirasai oleh semua pihak.

5. Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada MAKSAK dan pihak pengurusan `Corporate Bazaar' di atas kejayaan yang dicapai pada hari ini. Adalah menjadi harapan saya agar majlis hari ini dapat terus dijadikan contoh untuk MAKSAK meraih kejayaan yang lebih tinggi di masa akan datang.